



Tikus Ibu Jari Monyet

(*Pithecheir parvus*)

Monkey-footed Rat

Famili : Muridae

Ciri-ciri

Bahagian atasnya berwarna coklat-kemerahan. Manakala bahagian bawahnya berwarna putih. Ekornya hampir tidak berbulu dan berwarna merah. Kaki, pangkal telinga dan kukunya berwarna putih. Mempunyai misai yang panjang dan lebat. Kakinya disesuaikan untuk beradaptasi di atas pokok. Ekornya boleh bertindak seperti tangan untuk memegang ranting-ranting sepertimana binturong.

Taburan

Habitatnya terdiri daripada hutan tebal di kawasan tanah tinggi di antara 100-1,450 m dari paras laut.

Tabiat

Sangat berhati-hati dengan keadaan sekeliling. Makanannya terdiri daripada tumbuh-tumbuhan. Membuat sarang daripada daun-daun di celah-celah jalinan akar dan berbentuk bulat. Lebar sarang tersebut ialah 150 mm dan ia dibina 2-3.5 m dari tanah. Ibu yang mempunyai anak akan membawa anaknya bersama-sama jika keluar mencari

makan. Anaknya akan mendakap di bawah perut ibunya sementara mulutnya menghisap puting susu.